

14 JUN 2003

Turki-Dagang

MALAYSIA DAN TURKI BERUSAHA TINGKAT DAGANGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Turki berharap lawatan tiga hari Perdana Menteri, Recep Tayyip Erdogan, ke Malaysia akan dapat meningkatkan lagi dagangan dua hala antara kedua-dua negara hingga mencapai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) setahun.

Erdogan berkata Turki amat berminat untuk meningkatkan dagangan dua hala dengan Malaysia kerana setakat ini hubungan dagangan itu hanya bernilai kira-kira AS\$270 juta (RM1,026 juta) dengan eksport dari Malaysia berjumlah AS\$211 (RM801.8 juta).

"Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan kami semalam berkata beliau ingin melihat dagangan antara kedua-dua negara mencecah AS\$1 bilion dan kami amat mengalu-alukannya. Kami juga ingin melihat perdagangan meningkat secepat mungkin," katanya dalam satu sidang berita di sebuah hotel di sini, hari ini.

Beliau berkata bagi Turki, tujuan utamanya dari sudut perniagaan adalah untuk meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara dan "jika kita berusaha mencapai matlamat ini, sudah pasti ia dapat dicapai."

Erdogan tiba di sini semalam dengan rombongannya yang terdiri daripada tiga menteri, sembilan Anggota Parlimen dan 107 ahli perniagaan. Beliau turut menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pagi ini. Beliau dijadualkan berlepas ke Islamabad, Pakistan pagi esok.

Perdana Menteri Turki itu berkata anggota rombongannya telah menemui rakan sejawatan dari Malaysia dan usaha sedang dibuat untuk memantapkan lagi hubungan dagangan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata walaupun tahap hubungan antara kedua-dua negara tidak berubah sejak beberapa dekad lepas, lembaran baru dalam hubungan itu sudah dibuka dengan lawatannya.

"Sejak dekad yang lepas, hubungan antara kedua-dua negara tidak begitu akrab dengan sebab-sebab yang tidak saya ketahui, tetapi ia merupakan satu permulaan baru bagi Malaysia dan Turki... hubungan yang bakal membawa kemakmuran," kata Erdogan.

Beliau berkata Turki bukan sahaja mahu menjalin hubungan yang erat dalam bidang perdagangan dan ekonomi, malah dalam aspek lain seperti kebudayaan dan kesenian.

"Kami juga menyarankan supaya ditubuhkan satu suruhanjaya bersama antara kedua-dua negara, dan jawatankuasa suruhanjaya itu seharusnya berada pada peringkat Timbalan Perdana Menteri.

"Ia bertujuan mengukuhkan jalinan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan strategi politik. Perkara ini turut dipersetujui oleh pihak Malaysia," katanya.

Merujuk kepada rancangan Dr Mahathir untuk bersara pada Oktober ini, beliau berkata Abdullah telah memberi jaminan bahawa polisi dan pemulihan Perdana Menteri akan diteruskan.

Kepada saranan Dr Mahathir semalam supaya Dewan Perdagangan Malaysia-Turki memainkan peranan yang lebih bermakna dalam merapatkan jurang kerjasama perdagangan antara kedua-dua negara, Erdogan berkata beliau menyokong penuh saranan itu.

"Saya sudah bercakap dengan kesatuan dalam dewan perdagangan itu, dan mereka menunjukkan dedikasi yang serupa dan berjanji akan memulakannya secepat mungkin. Saya juga turut mengarahkan menteri-menteri yang mengiringi lawatan saya ini supaya menghubungi rakan sejawatan mereka di Malaysia untuk menjalin hubungan," katanya.

Berhubung isu antarabangsa, Erdogan berkata dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir, mereka telah berbincang mengenai pelbagai isu termasuk isu Palestin, Iraq dan Afghanistan.

-- BERNAMA

SR NM AZH NAK